

07 FEB 2004

Mahathir-Jamuan

LIMA KOMPONEN BN WAKILI MASYARAKAT CINA RAI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Sungguhpun sudah hampir empat bulan meninggalkan tampuk pemerintahan negara, namun bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terus menerima penghargaan daripada pelbagai pihak yang menghargai jasa-jasa beliau selama ini.

Malam ini Dr Mahathir sekali lagi diraikan dalam Majlis Jamuan Jasamu Dikenang anjuran bersama lima buah parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili masyarakat Cina.

Kelima-lima parti itu ialah MCA, Gerakan, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Parti Maju Sabah (SAPP) serta beberapa pertubuhan Cina terbesar iaitu Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia serta "The 7 Federations of Chinese Associations of Malaysia."

Turut hadir pada majlis itu ialah Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan isteri, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn, Presiden SUPP Tan Sri Amar George Chan Hong Nam, Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee dan Presiden LDP Datuk Chong Kah Kiat.

Dr Mahathir yang hadir ditemani isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut meriah dengan persembahan tarian singa sebelum diiringi ke pameran lukisan yang memaparkan wajah-wajah Dr Mahathir, berlatarbelakangkan pembangunan negara.

Sebagai tirai pembukaan majlis, pihak penganjur juga menjemput Dr Mahathir dan isteri untuk turut serta menggaul "yee sang" sebagai tanda kemakmuran.

Semasa menyampaikan ucapan aluannya, Ong, yang juga pengerusi majlis itu berkata kejayaan majlis berkenaan jelas menunjukkan masyarakat Cina amat menghargai dan menyanjung tinggi jasa serta sumbangan Dr Mahathir

kepada negara.

"Masyarakat Cina sememangnya menyanjung tinggi kepimpinan Tun Dr Mahathir kerana semasa menjadi Perdana Menteri beliau sentiasa prihatin dan peka kepada masalah yang dihadapi oleh masyarakat Cina dan sudi memberi bantuan untuk menyelesaikannya dengan baik," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam ucapannya berkata beliau gembira dengan penghargaan yang diberikan oleh masyarakat Cina kepadanya melalui majlis itu.

Ini kerana, katanya, apabila bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn melantiknya sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 27 tahun lepas, reaksi kaum Cina tidak semeriah sambutan yang diberikan malam ini.

"Pada waktu itu, ramai orang Cina curiga berkenaan pelantikan saya sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana ketika itu saya dikenali nasionalis Melayu yang ekstrimis yang begitu "racial" pandangannya, katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata beliau percaya tanggapan sedemikian sudah tidak ada lagi pada hari ini.

Beliau turut mengingatkan seluruh masyarakat supaya bersedia untuk berkongsi kekayaan negara supaya kemakmuran negara dapat dinikmati bersama.

Majlis itu juga menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr Siti Hasmah dalam penglibatannya sebagai wanita pertama negara sepanjang era pemerintahan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SNS MUN ROS